



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

TEKS UCAPAN AMANAT TAHUN BAHARU 2026

**YANG BHG. DATUK TPR DR. ALIAS BIN RAMELI
KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**

SEMPENA

PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2026

***PLANMalaysia 2026 : MISI IMPLEMENTASI PERANCANGAN
UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT***

3 FEBRUARI 2026 (Selasa)

9.00 Pagi

DEWAN DAMAR SARI

KOMPLEKS F8

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI, dan Salam PLANMalaysia Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan Negara.

Yang Berusaha, Pengacara Majlis yang melambangkan gabungan kepakaran insan dan kecerdasan buatan.

SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN

PENDAHULUAN: MENYULUH FAJAR 2026

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat melangkah ke tahun 2026 dengan keadaan sihat dan semestinya dengan tekad yang lebih kental. Tahun ini bukan sekadar pertukaran kalendar, tetapi merupakan tahun untuk meneruskan lonjakan **pelaksanaan misi dan agenda merakyatkan perancangan PLANMalaysia.**

2. Saya berdiri di hadapan warga PLANMalaysia sekalian dengan rasa bangga melihat sejauh mana kita telah melangkah dalam merancang masa hadapan fizikal negara. Dan tahun ini, 2026, kita akan teruskan dengan semangat menetapkan hala tuju yang baharu untuk mencapai kecemerlangan (striving for excellence).

AMANAT UNTUK PENJAWAT AWAM

3. Saya ingin memetik amanat **Ketua Setiausaha Negara (KSN)** semasa Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara Tahun 2026 pada 16 Januari 2026 berkaitan **empat (4) misi pelaksanaan pantas** iaitu:
 - a. **Mempercepat Strategi Pelaksanaan dan Pelaksanaan Pantas** – Perancangan strategik Jabatan mesti diselesaikan awal bagi tindakan dimulakan dengan segera.
 - b. **Permudahkan Urusan Rakyat** – Prinsip “Mudahkan urusan rakyat, jangan susahkan”.
 - c. **Perhebatkan Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** – Melaksanakan inisiatif ARPA dan meningkatkan Reformasi Budaya Kerja (RBK).

- d. **Perkasakan Pelaksanaan Komunikasi Total** – Gunakan “bahasa rakyat”.

KPKT MENGORAK LANGKAH TAHUN 2026: “ABCDT” dan *BOLDLY FORWARD*

4. Semasa Majlis Amanat YB Menteri Bersama Warga Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Dan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2026 pada 20 Januari 2026 lalu, YB Menteri telah menegaskan hala tuju Kementerian melalui konsep “**ABCDT**” - **Amanah, Bersih, Cekap, Disiplin dan Team (Together Everyone Achieve More)**.
5. Justeru, melangkah ke tahun 2026, KPKT memilih untuk bergerak ke hadapan berpandukan **lima (5) teras “Boldly Forward”** iaitu:
 - a. **Decision** - Berani Membuat Keputusan;
 - b. **Action** - Berani Membuat Tindakan;
 - c. **Risk** - Berani Mengambil Risiko;
 - d. **Change** - Berani Membuat Perubahan; dan
 - e. **Leadership** - Kepimpinan Berwibawa.

6. Sebagai Presiden UN-Habitat Assembly, Malaysia menerajui agenda global pembangunan bandar mampan, dengan **KPKT memimpin kepengerusian mesyuarat dan penganjuran forum antarabangsa** utama termasuk ASEAN Real Estate Conference (29 Julai – 1 Ogos 2026) dan ASEAN-China Ministerial Round Table 2026 (31 Julai – 2 Ogos 2026).

7. Berpaksikan lima teras “Boldly Forward” ini, hala tuju strategik Kementerian seterusnya diperkukuh melalui kerangka “**Melestari Kecemerlangan**” sebagai rujukan di peringkat KPKT yang menekankan:
 - a. Komitmen dan Integriti;
 - b. Budaya Kerja Berprestasi Tinggi;
 - c. Kerjasama dan Semangat Berpasukan;
 - d. Peningkatan Kompetensi Ilmu dan Kemahiran;
 - e. Inovasi dan Transformasi Digital; dan
 - f. Fokus kepada Rakyat.

8. **Seterusnya, KPKT turut menekankan “KESEIMBANGAN Kehidupan dan Kerja” dan “Menghargai USAHA Bersama”** sebagai asas pengukuhan kesejahteraan warga, produktiviti dan kejayaan organisasi.

FALSAFAH KERJA: ISLAH MASTATA'TU DAN LILLAH TA'ALA

Warga Jabatan yang saya muliakan,

9. Seiring penekanan terhadap kesejahteraan warga dan penghargaan kepada usaha bersama, pendekatan ini perlu diperkukuh dengan falsafah kerja yang jelas sebagai panduan nilai dan arah tindakan kita. Mengambil inspirasi daripada amanat YAB Perdana Menteri baru-baru ini, saya ingin menekankan **dua prinsip utama** yang harus menjadi **nadi gerak kerja** kita tahun ini: **Islah Mastata'tu dan bekerja dengan semangat Lillah Ta'ala.**

10. **Islah Mastata'tu**, sebagaimana doa Nabi Syu'aib A.S., menuntut iltizam untuk melakukan **pembaharuan dan penambahbaikan sedaya kemampuan**. Dalam semangat MADANI, warga perkhidmatan awam **tidak boleh terperangkap dalam budaya selesa**, sebaliknya perlu **berani mencari ikhtiar baharu bagi menutup ruang kelemahan** dan **mempercepat pelaksanaan** yang menuntut keputusan yang pantas, proses yang dipermudah serta keupayaan menterjemah dasar kepada tindakan berkesan serta berorientasi rakyat.

11. **Lillah Ta'ala** menuntut setiap amanah dilaksanakan dengan niat yang murni kerana Allah SWT. **Keikhlasan** sebagai asas kerja akan melahirkan **integriti** dalam setiap tindakan serta memperkukuh budaya **akauntabiliti** dalam pelaksanaan tugas. Justeru, setiap **produk perancangan** yang dihasilkan, sama ada dokumen, sistem mahupun projek fizikal, bukan sekadar output teknikal, tetapi merupakan **amal jariah** bagi memastikan perancangan bandar yang adil, sejahtera dan benar-benar menyantuni rakyat.

12. Bagi menyuntik semangat warga PLANMalaysia, marilah kita merenung mutiara kata Buya Hamka: *“Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu.”* Pesanan ini mengingatkan kita bahawa dalam melaksanakan amanah sebagai perancang fizikal negara, **integriti dan kepakaran** mesti berjalan seiring. Justeru, berteraskan **nilai adab dan ilmu** inilah, PLANMalaysia mesti terus membudayakan **Gerak Kerja ‘Four Plus One’** sebagai panduan pelaksanaan strategik jabatan, iaitu:
 - a. Gerak Kerja 1: Meneruskan Ikhtiar Perancangan Bandar Bagi Merealisesi Malaysia MADANI dan Mengangkat Visibiliti PLANMalaysia Di Peringkat Negara dan Global;

- b. Gerak Kerja 2: Memperteguh PLANMalaysia Selaras Dengan Aspirasi Bidang Fokus Utama KPKT;
- c. Gerak Kerja 3: Memantapkan Tatakelola Perancangan Melangkaui Kelaziman;
- d. Gerak Kerja 4: Meningkatkan Liputan Media yang Lebih Terangkum dan Tersohor; dan
- e. Gerak Kerja 5: Memperkasa Tatakelola Perancangan Untuk “*Ease of Doing Business*” di Malaysia.

LANGKAH PLANMALAYSIA: AMANAH DIPERTEGUH, AGENDA DIPERHEBAT

- 13. Sejalan dengan Gerak Kerja ini dan rangka pelaksanaan RMK13 Melakar Semula Pembangunan, Alhamdulillah, PLANMalaysia terus diberi kepercayaan melalui **Rolling Plan 1 (RP1), Peruntukan Pembangunan 43 (P43)** dengan peruntukan berjumlah **RM29.175** juta bagi tahun 2026.
- 14. Lebih membanggakan, buat julung kalinya Jabatan menerima **peruntukan kewangan secara langsung sebanyak RM10 juta** bagi melaksanakan projek fizikal **Program Bandar Selamat**. Mandat ini diberikan berasaskan rekod prestasi cemerlang PLANMalaysia sebagai **penyelaras dan**

pemantau pelaksanaan projek fizikal Bandar Selamat di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT), yang sebelum ini dilaksanakan di bawah peruntukan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

PLANMalaysia 2026: MISI IMPLEMENTASI PERANCANGAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

Warga PLANMalaysia yang saya banggakan,

15. Dengan kepercayaan dan mandat yang diberikan, PLANMalaysia melangkah ke tahun 2026 secara berani dan bersasar, **menterjemah peruntukan kepada hasil dan impak yang nyata** berasaskan halatuju yang jelas dan berpaksi teras “Boldly Forward” melalui tindakan berikut:

- a. **Pemeriksaan Spatial Negara:** PLANMalaysia memainkan peranan utama dalam penyediaan RFN5. Kini, pemakaiannya akan **diperluas** ke Sabah melalui pendekatan persetujuan bersama Kerajaan Negeri manakala bagi Sarawak, RFN5 menyelaraskan data dan maklumat perancangan bersifat makro dan isu strategik merentasi sempadan.

Dalam konteks perancangan negara, Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5) berfungsi sebagai dokumen strategik utama yang menetapkan **hala tuju pembangunan fizikal negara, menterjemahkan dasar nasional ke dalam dimensi spatial, menyelaraskan perancangan di semua peringkat, memastikan pembangunan yang seimbang, mampan dan berdaya tahan, serta memperkukuh tadbir urus spatial negara.**

RFN5 seterusnya menggariskan sebanyak **25 strategi** dan **90 tindakan** yang disusun melalui **lima (5) fokus utama**, sebagai kerangka menyeluruh bagi memacu pertumbuhan ekonomi, pengurusan sumber yang lestari, ketahanan iklim, kesejahteraan komuniti serta peningkatan kualiti hidup rakyat secara bersepadu.

RFN5 dijangka dibentangkan untuk **kelulusan** MPFN pertama pada April sekaligus **peluncuran** dan seterusnya ***Soft Launch*** secara bersama dengan DPN3 pada Julai 2026.

- b. **Transformasi Perbandaran Berdaya Huni, Makmur dan Berdaya Tahan:** DPN3 menetapkan matlamat **Bandar Makmur, Berdaya Huni dan Berdaya Tahan** Melalui Perancangan Inklusif, Inovatif dan Holistik sebagai inspirasi untuk mencorak perbandaran di Malaysia sehingga tahun 2035. DPN3 menggariskan **22 pernyataan dasar, 44 strategi dan 90 tindakan** melalui lima (5) Fokus Perbandaran iaitu persekitaran bandar mampan, ekonomi berdaya saing, komuniti bandar sejahtera dan berdaya huni, bandar berdaya tahan serta tadbir urus bandar yang efisien dan inovatif. Dasar ini merangkumi **203 bandar** di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang melibatkan **101 Pihak Berkuasa Tempatan**.
- c. **Kesepaduan Wilayah:** Rancangan Wilayah (RW) PEKA yang merangkumi Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis, disediakan bagi menyelaraskan **perancangan spatial Wilayah PEKA secara strategik**, khususnya pembangunan merentasi **sempadan daerah dan negeri**, termasuk penyelarasan **guna tanah, ekonomi, sumber dan infrastruktur** ke arah pembangunan yang **seimbang dan mampan**.

- d. **Pemeriksaan Rangkaian Ekologi CFS:** Jabatan akan **bekerjasama** dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam melaksanakan **lima (5) RKK Rangkaian Ekologi Terancam**, dengan peruntukan berjumlah **RM5 juta** yang disalurkan kepada Jabatan Perhutanan, bagi memperkukuh dan melindungi rangkaian ekologi negara.

- e. **Reformasi Perundangan:** Jabatan akan terus **memacu kelulusan** RUU Pembaharuan Semula Bandar (PSB) yang telah melalui **lebih 130 sesi libat urus** dan **memuktamadkan** draf Kaedah-Kaedah PSB. Selain itu, pindaan **Akta 172** kali ke-6 akan memperkukuh kerangka perancangan negara melalui tujuh (7) tumpuan utama merangkumi **SIA, pengurusan dan tadbir urus data, caj pemajuan, penyelarasan RT dan KTN, penyediaan RT yang lebih tangkas, pemendekan tempoh penyediaan RKK serta punca kuasa kepada penyediaan PTK.** Seiring itu, pindaan **Akta 538** akan **memperluas skop LPBM**, termasuk **kemasukan arkitek landskap.**

- f. **Perkhidmatan Awam Lebih Tangkas dan Mesra Rakyat:** Bagi memperkukuh *ease of doing business* dan mengurangkan kerenah birokrasi, peranan **Planning Advisory Management Office (PAMO)** akan

diptimumkan sebagai **pemudah cara strategik** di peringkat awal dan pemantauan pelaksanaan bagi projek **pemulihan sekolah dan klinik daif**, manakala pembangunan **Sistem URA20A Online** akan memperkemas rundingan di bawah Seksyen 20A Akta 172 khususnya bagi projek kemudahan awam berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat.

- g. **Rancangan Pemajuan sebagai Kompas Pembangunan:** Berbekalkan pengalaman luas sebagai agensi peneraju agenda perancangan pembangunan negara, Jabatan meneruskan penyediaan dokumen rancangan pemajuan melalui **lima (5) projek sedia ada (baharu) dan tujuh (7) projek baharu**, merangkumi kajian Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas. Kejayaan pewartaan **Rancangan Struktur Labuan 2040 dan Rancangan Tempatan Labuan 2040** yang kini diperingkat kelulusan akhir, membuktikan **kejayaan kolaborasi strategik** antara PLANMalaysia dan Perbadanan Labuan menyediakan dokumen berautoriti yang memandu pembangunan wilayah secara bersepadu.

- h. **Garis Panduan Perancangan Berimpak dan Responsif:** Jabatan akan melaksanakan **semakan semula empat (4)** Garis Panduan Perancangan (GPP) secara *in-house* serta menyediakan **GPP baharu Bandar Lestari Air (Sponge Cities)**. Pusat Pengurusan Risiko Bencana PLANMalaysia memperkukuh fungsinya melalui **kolaborasi strategik pelbagai pihak, penyediaan input, nasihat dan maklum balas** di peringkat jabatan, kementerian dan Parlimen, serta **pemeriksaan pembangunan kapasiti (SME) dan latihan** dalam pengurusan risiko bencana bagi **mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan** serta **mengurangkan risiko impak bencana selaras dengan pendekatan *build back better*** bagi **memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.**
- i. **Pemeriksaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Berintegriti:** Tahun 2026 menyaksikan Jabatan memperkukuh pelaksanaan dan pengurusan Penilaian Impak Sosial (SIA) melalui **pemantauan menyeluruh pelaksanaan PPSIA 2023**, pengenalan **SIA Score Card** bagi menilai kompetensi laporan, pemeriksaan profesionalisme penyedia dan penilai menerusi latihan intensif, serta pewujudan **Anugerah Amalan Terbaik SIA** bagi menjamin kualiti dan integriti pelaksanaan.

- j. **Menerajui Amalan Perancangan Terbaik:** Kita memimpin wacana melalui Simposium, dan kita menggerakkan perubahan melalui Kolokium. Pada tahun 2025, Jabatan telah menganjurkan **Simposium Amalan Terbaik** sebagai platform strategik peringkat nasional bagi membentuk pemikiran dan hala tuju perancangan negara. Melangkah ke tahun 2026, **Kolokium Perancangan bertemakan *Sentuhan Manusia Dalam Perancangan*** disasar sebagai platform **perkongsian ilmu, dan inovasi pelaksanaan garis panduan perancangan** bersama pihak berkepentingan, selari dengan aspirasi kepimpinan Jabatan yang berwibawa dalam memartabatkan amalan perancangan terbaik.
- k. **Bandar Berdaya Huni, Rakyat Sejahtera:** Inisiatif 130 Bandar Berdaya Huni ditetapkan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama dalam Pelan Strategik KPKT 2026–2030, selaras dengan aspirasi Malaysia Berdaya Huni. PLANMalaysia menyokong agenda ini melalui **pengukuran dan penilaian bandar berdaya huni berasaskan MURNInets**, untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti bandar secara inklusif dan berorientasikan kesejahteraan rakyat.

- I. **Transformasi Bandar Pintar Berasaskan Data dan Tindakan:** Di bawah RMK-13 dan Petunjuk Prestasi Utama KPKT dalam Pelan Strategik 2026-2030, bandar pintar kekal sebagai agenda strategik Jabatan dengan sasaran **115 PBT mencapai Tahap 1: Smart City Early Adopter (SCEA) menjelang 2030**, transformasi digital diperkukuh melalui **National Smart City Platform (NSCP)** di bawah **MUO** serta Program **Penarafan Smart City dan Smart Township** dilaksanakan bagi menilai tahap kematangan bandar dan perbandaran pintar secara *voluntary basis*. **Tahun 2026 menuntut kita bergerak lebih pantas dan lebih bersasar** dengan **Unit Satelit PPZ** berperanan memberi **sokongan teknikal berterusan** kepada PBT dalam penyediaan dan pemantapan Pelan Tindakan Bandar Pintar **selari Malaysia Smart City Framework** termasuk **pelaksanaan Klinik Bandar Pintar** yang menjurus kepada memberi kefahaman langsung kepada PBT mengenai hasil dapatan pembuktian Penarafan Bandar Pintar, termasuk tahap kematangan semasa, jurang dan potensi penambahbaikan selari dengan keperluan penarafan.

- m. **Kecerdasan Buatan (AI) Memacu Perancangan Bandar Masa Hadapan:** Jabatan akan melaksanakan projek *Proof of Concept (PoC)* Kecerdasan Buatan (AI) sebagai langkah strategik awal, disusuli penyediaan **Pelan Pelaksanaan AI Dalam Perancangan Bandar Malaysia 2030** bagi memacu perancangan bandar yang lebih pintar.
- n. **Pelaksanaan Projek Berasaskan Rancangan Pemajuan:** Brief Projek terus digerakkan sebagai **instrumen pelaksanaan** Jabatan, memastikan projek dalam rancangan pemajuan **tidak terhenti** di atas kertas, tetapi dilaksanakan di tapak melalui kerjasama pelbagai agensi pelaksana.
- o. **Aspirasi Rakyat Untuk Pelaksanaan:** Pelan Tindakan Khas (PTK) berperanan sebagai **mekanisme pasca-perancangan (after-sales mechanism)** di Peringkat Keempat (4th Tier): Perancangan Komuniti (Community Planning) yang menterjemahkan perancangan kepada tindakan sebenar di lapangan bagi **menangani isu setempat** dan berasaskan projek. Berpaksikan pendekatan **bottom-up planning**, PTK memastikan keperluan komuniti menjadi input utama, dengan impak nyata kepada kesejahteraan sosial, ekonomi tempatan

dan kelestarian persekitaran.

- p. **Rumah Mesra Rakyat Dipacu Perancangan Berwibawa:** Rumah Mesra Rakyat (RMR) disokong melalui peranan PLANMalaysia dalam **memberi khidmat nasihat perancangan** berasaskan **Garis Panduan Perancangan Perumahan** serta **mekanisme pembaharuan semula bandar** bagi memastikan penyediaan perumahan yang lebih berdaya huni, terancang dan berorientasikan kesejahteraan rakyat.
- q. **Bandar Bahagia, Rakyat Sejahtera:** Infrastruktur dan pertumbuhan ekonomi bukan satu-satunya ukuran kejayaan bandar, kebahagiaan rakyat adalah penentunya. Justeru, Jabatan memacu agenda Bandar Bahagia dengan **115 daripada 153 PBT** mencapai status Bandar Bahagia pada tahun 2025, manakala 38 bandar berada pada tahap Sederhana Bahagia yang dinilai melalui Indeks Kebahagiaan, MURNInets. **Laporan Kebahagiaan Bandar Malaysia 2026 bakal dilancarkan pada April 2026** sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan.

- r. **Pemeriksaan Media PLANMalaysia:** Seiring dengan amanat YBM KPKT, tahun 2026 ditetapkan sebagai tahun pemeriksaan Media PLANMalaysia sebagai pemangkin untuk mempergiat **visibility Jabatan**, khususnya dalam aspek **pendidikan awam serta pengukuhan imej profesional** melalui penglibatan pihak berkepentingan. Sehubungan itu, pelan komunikasi kita memerlukan **penglibatan menyeluruh** semua bahagian bagi memastikan kandungan yang disampaikan lebih **berkesan, berwibawa dan konsisten** dengan imej profesional PLANMalaysia.

INOVASI DIGITAL: PENDIGITALAN PERANCANGAN DAN KECERDASAN DATA

16. Bagi memastikan hala tuju strategik Jabatan benar-benar diterjemah secara bersepadu dan berasaskan data, elemen sokongan inovasi digital diperkukuh melalui pelaksanaan Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO). MUO yang berteraskan *evidence-based decision making* telah berstatus **Go-Live** pada 17 Disember 2025 dan menyasarkan KPI **penggunaan 100%** pada tahun 2026 merangkumi **seluruh ekosistem perancangan**. MUO turut meraih **Anugerah**

Rising Star Geoinnovation Malaysia 2025 daripada Esri Malaysia, yang telah disampaikan pada 22 Januari 2026, sekali gus menjadi pemangkin untuk mempergiat kerjasama strategik dan menyasar pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

17. Seterusnya Sistem I-Plan diperkukuh melalui pembangunan Geospatial Artificial Intelligence (GeoAI) yang mengintegrasikan **teknologi AI, penderiaan jauh dan Big Data** bagi meningkatkan **kecekapan pemprosesan serta ketepatan maklumat guna tanah**, melalui kerjasama strategik bersama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

18. S-CHARMs diperkasa dengan mentransformasi sistem menjadi **pangkalan data spatial bersepadu nasional** melalui fokus strategik antaranya meliputi **pengukuhan data, menaik taraf modul** bagi aspek analitik spatial dan sistem sokongan membuat keputusan secara interaktif serta **pengukuhan urus tadbir data**.

SANTUNI MADANI DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

19. Data membimbing keputusan, tetapi sentuhan lapangan membina kepercayaan rakyat. Tanggungjawab kita bukan sekadar di pejabat, tetapi turut menyantuni rakyat di lapangan. Melalui **Program Kampung Angkat MADANI dan Program Sekolah Angkat MADANI 2025 di Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu** membuktikan keberkesanan pendekatan kolaboratif. Berasaskan pencapaian ini, Jabatan akan **meneruskan pelaksanaan kedua-dua program tersebut pada tahun ini**, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

PENGUKUHAN CARA KERJA DAN BUDAYA PELAKSANAAN

20. Keberhasilan di lapangan menuntut pengukuhan dalaman iaitu cara **kerja yang cekap, budaya pelaksanaan yang berdisiplin dan kerjasama pasukan yang mantap** melalui:

a. **Pertama: Mengubah Cara Kerja - Lebih Cekap, Lebih Pantas, Lebih Bersatu**

i. Tahun 2026 menuntut kita berani mengubah cara kerja. Kita tidak boleh lagi bekerja dalam **silos**, terpisah mengikut bahagian. Perancangan hari ini

memerlukan pendekatan **lintas fungsi (cross-functional) dan lintas sektor (cross-sectoral)**, bekerja sebagai **satu pasukan**, bukan sekadar menyumbang bahagian masing-masing.

- ii. Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas mesti disiapkan dengan **lebih cekap, lebih pantas dan lebih tersusun, tanpa mengorbankan kualiti**. Ini menuntut keazaman untuk **mempermudah proses kerja, mengurangkan birokrasi dalaman**, dan menumpukan tenaga kepada perkara yang benar-benar **memberi nilai tambah**. Kita mesti berani bertanya: *bolehkah proses ini dipermudahkan, bolehkah keputusan ini dipercepatkan, dan bolehkah kerja ini dilaksanakan dengan lebih bijaksana?*

b. Kedua: Inovasi Merentas Skala

- i. Inovasi bukan soal saiz, tapi impak. Penambahbaikan kecil pada cara kita menyimpan data mungkin nampak remeh, namun jika ia menjimatkan masa 10 minit setiap hari, bayangkan

berapa banyak **produktiviti** yang kita tingkatkan dalam setahun. Kita mahu setiap warga Jabatan **berani mencuba**. Kecil bagi kita, besar impaknya untuk Jabatan.

- ii. Arah tuju Jabatan adalah jelas: kita menuju ke arah **automasi dan pendigitalan sepenuhnya**. Peralihan tugas mengemaskini data guna tanah secara manual kepada *automation system* bukan sekadar untuk mengurangkan kesilapan (*human error*), malah bertujuan memacu kepantasan serta kecekapan kos operasi.
- iii. Sistem seperti **i-PLAN, S-CHARMs, dan MUO** bukan sekadar projek ICT, tetapi merupakan **teras budaya kerja baharu** kita. Kita mesti menghentikan pergantungan kepada **kemasukan data secara manual** agar para pegawai dapat **memfokuskan kepakaran** kepada **aspek analisis, pembuatan keputusan, dan strategi** yang lebih kritikal. Jangan tunggu sehingga '**sempurna**' untuk bermula; mari kita optimumkan proses yang ada sekarang dan bergerak serentak ke arah transformasi digital yang menyeluruh.

c. **Ketiga: Perancangan Strategik Memerlukan Komunikasi yang Kukuh**

i. Rancangan Tempatan yang hebat sekalipun tidak akan memberi impak jika **komunikasi kita lemah**. Sebagaimana yang ditekankan oleh YB Menteri, pelan tanpa komunikasi yang berkesan akan **gagal difahami, apatah lagi dimanfaatkan**.

ii. Harus kita sedar bahawa Rancangan Tempatan adalah dokumen yang telus, ia merupakan **pelan pelaburan** yang mencakupi setiap inci tanah demi **membuka peluang ekonomi, menarik pelaburan, dan memperkasakan usahawan tempatan**. Justeru, tanggungjawab kita bukan sekadar memastikan rancangan ini diluluskan, tetapi memastikan ia **difahami, diyakini, dan diterjemahkan sebagai tindakan** oleh semua pihak.

d. **Keempat: Menjiwai Amanah dan Kebanggaan Terhadap Hasil Kerja**

i. Akhir sekali, saya ingin menyentuh soal **jiwa dan jati diri** dalam melaksanakan amanah. Kita mesti

mempunyai '**passion**' dan benar-benar **jatuh cinta dengan produk kerja kita**. Namun, perlu saya tegaskan, rasa cinta terhadap hasil kerja ini bukanlah tiket untuk kita menjadi '**complacent**' atau **berpuas hati**. Sebaliknya, cinta kepada kecemerlangan adalah dorongan untuk kita tidak sekadar melaksanakan tugas secara rutin, tetapi sentiasa mencari ruang untuk penambahbaikan.

- ii. Kehebatan Jabatan ini tidak hanya terletak di bahu Pengurus Projek, tetapi ia adalah hasil usaha kolektif kita semua. Daripada pegawai di gred **J10 dan J9 sehinggalah ke rakan-rakan di gred J5, serta seluruh warga kerja tanpa mengira jawatan**, setiap daripada anda adalah **nadi** kepada organisasi ini. Anda semua mesti **memahami, menguasai, dan menyumbang** dengan **tahap kecekapan yang paling tinggi**. Kita perlu jelas tentang apa yang sedang **kita rancang, mengapa ia penting**, dan bagaimana ia **memberi kesan nyata kepada rakyat**. Apabila seluruh pasukan berkongsi kebanggaan dan rasa tanggungjawab yang sama, barulah perancangan kita akan benar-

benar '**bernyawa**' dan memberi impak yang besar kepada rakyat di luar sana.

KECEMERLANGAN ORGANISASI, PENGUKUHAN INTEGRITI, DAN KUALITI

Warga PLANMalaysia yang dikasihi,

21. Tahun 2025 menyaksikan kecemerlangan Jabatan melalui penerimaan pelbagai **anugerah dan pengiktirafan** terhadap produk serta pegawai di peringkat kementerian, nasional dan antarabangsa. Kejayaan ini menjadi **pemangkin** kepada **iltizam** kita pada tahun ini untuk **terus memperkukuh budaya kecemerlangan, inovasi dan prestasi tinggi yang berterusan**.

22. Jabatan terus mengekalkan penarafan risiko rendah oleh SPRM dan kekal diperakui oleh SIRIM QAS Berhad bagi pensijilan **MS ISO 9001:2015, MS ISO 37001:2016 serta ISMS ISO/IEC 27001:2013**. Pencapaian ini mencerminkan tekad Jabatan dalam menegakkan **kualiti perkhidmatan, integriti tadbir urus dan keutuhan sistem** sebagai asas kepercayaan rakyat dan rakan strategik. Sebagai pelengkap

kepada usaha memperkukuh integriti Jabatan, Sistem Aduan Tatakelakuan dan Rasuah (SATRA) terus **diperkasa** sebagai saluran aduan dalaman yang **lebih mesra pengguna**.

23. Bagi tahun 2026, PLANMalaysia mengurus **Peruntukan Pengurusan B43 (B43) berjumlah RM66.97 juta**, merangkumi Dasar Sedia Ada, Program MySTEP dan Dasar Baharu Sistem Saraan Perkhidmatan Awam. Dalam landskap fiskal yang mencabar, Jabatan memilih pendekatan berdisiplin dan berkeutamaan tinggi apabila **Sekatan Peruntukan Dalaman Bilangan 1 Tahun 2026** dilaksanakan bagi menampung program-program strategik yang kritikal, dengan jumlah sekatan keseluruhan sebanyak **RM256,800**. Langkah ini menuntut setiap warga Jabatan untuk mengurus sumber secara lebih berhemah. Tahun 2025 mencatat 100% pembayaran 5,428 bil diselesaikan dalam tempoh **kurang 14 hari**, dan pada 2026, kita melangkah lebih berani dengan **sasaran baharu iaitu 7 hari**.

24. Selaras dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), amalan **paperless** akan diperkasa sebagai **budaya kerja hijau Jabatan** melalui **pelaksanaan mesyuarat berasaskan peranti**, serta **edaran memo dan surat secara elektronik**; dan mulai tahun 2026, pendekatan ini akan

dilaksanakan dengan **lebih meluas dan konsisten** sebagai komitmen Jabatan terhadap kecekapan dan tadbir urus moden.

25. Pada tahun 2025, seramai 37 pegawai telah berjaya mengikuti 26 program kursus dan latihan luar negara. Usaha ini akan diteruskan pada tahun 2026, dengan **tiga (3) program latihan dan persidangan luar negara sedang dalam pertimbangan** melibatkan **empat (4) pegawai**, merangkumi Program JICA Agri-Net 2026, Persidangan International Association of Impact Assessment (IAIA26) serta 3rd Annual Urban Renewal bersama lawatan teknikal, sebagai kesinambungan usaha **mempertingkatkan kompetensi ilmu dan kemahiran bertaraf global**.
26. Kenaikan gaji penjawat awam yang melibatkan **kos RM18 bilion** tahun ini adalah **pengiktirafan** kerajaan terhadap **khidmat bakti** semua. Maka, marilah kita balas dengan **keazaman dan integriti**, serta **budaya kerja berprestasi tinggi**.

PENUTUP: MENYATUKAN HARAPAN, MEMBINA MASA DEPAN GEMILANG

Warga PLANMalaysia yang saya kasihi,

27. Kepada seluruh warga PLANMalaysia, terima kasih atas kerja keras dan disiplin yang telah saudara-saudari pamerkan sebelum ini. Namun, kita tidak boleh berhenti di sini. Memasuki tahun baharu ini, usaha memperteguh PLANMalaysia sebagai institusi yang terunggul dan tersohor akan terus dipacu melalui rencana perancangan bandar yang melakar masa depan pembangunan negara. Langkah kita ke hadapan adalah berpaksikan gerak kerja dan tatakelola di bawah RMK13, iaitu era **Kesiapsiagaan dan Prakarsa Perancangan Bandar**. Inilah pendekatan yang menuntut kita untuk sentiasa bersiap siaga, berani mencipta, serta memulakan dan memimpin tindakan.

28. Ibnu Khaldun menulis bahawa *“kejayaan sesebuah organisasi lahir daripada kesungguhan, ilmu dan keteraturan kerja”*. Prinsip ini saya pegang, dan saya sentiasa **menyemai semangat itu dalam sanubari setiap warga PLANMalaysia**, agar setiap dasar, panduan perancangan, undang-undang yang digubal, dan instrumen perancangan yang dibangunkan bukan sekadar dokumen atau sistem, tetapi menjadi

pemangkin nilai dan impak nyata kepada negara, menegaskan bahawa kepakaran dan dedikasi kita membawa perubahan sebenar bagi rakyat dan pembangunan negara.

29. Mari kita **bekerjasama dengan semangat berpasukan yang padu.** Dengan semangat Islah Mastata'tu dan keikhlasan Lillah Ta'ala, saya yakin kita mampu **mencorak masa hadapan rakyat Malaysia yang lebih sejahtera.**

Selamat Tahun Baharu 2026. Ayuh! Warga PLANMalaysia, ke bukit sama didaki, ke lembah sama dituruni.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Disediakan oleh :
Bahagian Korporat
23 Januari 2026